

15 MAY 2001

MAHATHIR-MSC

APLIKASI PERDANA BARU MSC SEDANG DIKENAL PASTI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata projek-projek perdana baru bagi fasa kedua Koridor Raya Multimedia (MSC) sedang dikenal pasti.

"Kita akan mengenal pasti projek-projek perdana baru tidak lama lagi dan akan terdapat peranan bagi syarikat-syarikat antarabangsa untuk melibatkan diri (dalam MSC)," katanya dalam sesi dialog di Forum Perniagaan Malaysia-India, di sini hari ini.

MSC, tambahnya, telah berjalan lancar dan menjalankan projek-projek perdana dalam fasa pertama di mana sebahagiannya telah bermula sementara yang lain sedang diproses dan diperhalusi.

Aplikasi-aplikasi perdana di bawah gelombang pertama termasuk kerajaan elektronik, kad pintar pelbagai guna, tele-perubatan, telekomunikasi, pemasaran tanpa sempadan, penyelidikan dan pembangunan, dan web pembuatan sedunia.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan bagaimana syarikat-syarikat India boleh melibatkan diri dengan cergas di MSC oleh seorang anggota delegasi Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee yang kini melawat Malaysia.

Perdana menteri Malaysia itu berkata MSC memerlukan lebih banyak pelaburan oleh syarikat-syarikat asing kerana ia banyak bergantung kepada pelaburan langsung asing.

Pada masa yang sama, pakar-pakar dari India, khususnya dalam pengisian perisian dan teknologi filem, amat diperlukan dan penyelidikan mengenainya boleh ditempatkan di MSC.

Kepada soalan lain mengenai prasarana Malaysia yang mengkagumkan, Dr Mahathir berkata kemajuan pembangunan itu disumbangkan oleh konsep Persyarikatan Malaysia.

Di bawah konsep ini, beliau menjelaskan, kerajaan dan sektor swasta adalah anggota syarikat yang sama dan perubahan minda ini telah membolehkan Malaysia maju lebih pesat.

"Kami belajar dari Jepun yang pada awalnya dikritik kerana mewujudkan konsep Persyarikatan Jepun. Kami mengguna pakai konsep ini secara terbuka. Dan jika India dan Malaysia mempunyai falsafah yang sama, kita boleh bergerak amat pantas," tambahnya.

Beliau berkata Malaysia dan India harus bertukar maklumat mengenai bagaimana kedua-dua negara boleh mempercepatkan pembangunan mereka dan belajar apa yang perlu dilakukan dan apa yang tidak boleh dilakukan.

Sementara itu, Forum Perniagaan ini telah menyaksikan pemeterian 15 memorandum persefahaman (MOU) antara sektor-sektor swasta Malaysia dan India.

Perjanjian-perjanjian dimeterai antara Gemrusa Capital Sdn Bhd dengan Mascon Global Ltd, Petra Corp dengan Mid-Day Multimedia Ltd, United Engineers (M) Bhd dengan Essar Constructive Ltd, Petra Corp dengan Soft Systems Ltd, Petra Corp dengan Ruperal Enterprise Ltd, serta MCM.com Sdn Bhd dengan Blue Star Infotech Ltd.

Perjanjian-perjanjian lain adalah antara Mardec Bhd dengan RK Latex Pte Ltd, Binariang Satellite Systems Sdn Bhd dengan Antrix Corp. Ltd, Orion Jaya Industries Sdn Bhd dengan HMT (International) Ltd, dan Astronautic Technology (M) Sdn Bhd dengan Antrix Corp. Ltd.

Perjanjian-perjanjian juga dimeterai antara Asia Pacific Triumph Sdn Bhd dengan Saveetha Health Care Services Pte Ltd, Majlis Perniagaan

Malaysia-India dengan Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri India, Konfederasi Industri India (CII) dengan Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia, serta CII dengan Institut Strategik dan Kepimpinan Asia.

Perjanjian juga ditandatangani antara Juken Consultancy Sdn Bhd dan Agensi Pekerjaan KWX Sdn Bhd dengan Globsyn Technologies Ltd bagi mengadakan pusat latihan IT (teknologi maklumat) bernilai RM30 juta. --

BERNAMA

SHO SHY JR